

Elektrik RM-8: Sabah, Sarawak diberi keutamaan

BH 17 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Isnin - Masyarakat luar bandar di Sarawak dan Sabah akan diberi keutamaan bagi mendapat bekalan elektrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ini kerana kawasan seluruh Semenanjung sudah hampir diliputi bekalan elektrik.

"Hari ini, kita sudah mencapai liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar di negara ini sebanyak 93 peratus. Keutamaan untuk peruntukan RM856.6 juta di bawah RM-8, ialah masyarakat luar bandar di Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini, hari ini. Forum bertemakan "memenuhi cabaran baru" itu dianjurkan Institut Kepemimpinan dan Strategik Asia (Asli).

Dr Mahathir berkata, penubuhan Suruhanjaya Tenaga, Mei lalu bertujuan meningkatkan keberkesanan penyediaan kawa-

lan terhadap sektor tenaga, terutama industri bekalan elektrik dan sektor kecil bekalan gasnya.

Satu daripada bidang utama tanggungjawab badan itu ialah bagi perancangan kemampuan kapasiti dalam industri elektrik.

Suruhanjaya itu, katanya, akan diamanahkan dengan tugas membuat tawaran bagi program membina janakuasa baru dan bertanggungjawab bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan serta sumber baru dan guna semula tenaga.

Dr Mahathir berkata, pergantungan loji kuasa negara ke atas minyak juga berkurangan, iaitu daripada 85 peratus pada 1980 kepada hanya lapan peratus, manakala penggunaan gas asli meningkat daripada satu peratus pada 1980 kepada lebih 71 peratus tahun lalu.

Walaupun kemajuan dan pertumbuhan ekonomi adalah keutamaan negara yang penting, kerajaan berhati-hati dalam memastikan ia tidak di-

jalankan sehingga menjejaskan alam sekitar.

Beliau berkata, kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan tenaga guna semula sebagai bahan bakar kelima dan kecekapan tenaga, dalam strategi mempelbagaikan bahan tenaganya.

"Pada masa negara menghasilkan sejumlah besar sisa biomass terutama dalam industri minyak sawit dan kayu, Malaysia mempunyai potensi besar bagi penemuan tenaga yang cukup banyak daripada sisa-sisa ini.

"Penggunaan tenaga yang lebih cekap bukan saja membantu mengurangkan pembaziran dan meningkatkan persaingan dalam pengeluaran industri negara, malah akan memudahkan pertumbuhan mapan melalui penggunaan sumber yang maksimum.

"Satu kajian yang disiapkan kerajaan baru ini menunjukkan sumber tenaga guna semula yang terdapat di negara ini mempunyai potensi teknikal bersamaan kira-kira 36 juta tan

minyak. Ia adalah sumber besar yang akan terbuang jika tidak dipergunakan sepenuhnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebanyakan sumber itu adalah sisa biomass yang dihasilkan oleh industri tempatan yang turut menghadapi masalah untuk menghapuskannya dengan kesan negatif yang minimum terhadap alam sekitar.

Tenaga negara buat masa ini adalah dalam bentuk minyak, batu arang, gas dan tenaga hidro.

Sebagai industri baru, katanya, tenaga guna semula dan kecekapan tenaga menawarkan potensi lebih besar bagi pembangunan keusahawanan dan teknologi berbanding perniagaan tenaga konvensional.

Dr Mahathir berkata, Malaysia dengan mudah boleh mengambil kedudukan di hadapan dalam eksport teknologi baru dan perkhidmatan perundingan dalam bidang baru ini jika negara boleh memupuk awal sebuah industri yang berjaya.